

Arkib Maklumbalas 2015

Bil.	Nama Pengadu	Tajuk	Aduan	Tarikh Aduan	Maklumbalas Aduan	Tarikh Maklumbalas
1	Edzwan Ali	Permohonan Pembatalan Pendaftaran Sebagai Pemegang Amanah (PNPAB).	Adakah permohonan Pembatalan Pendaftaran Sebagai Pemegang Amanah (PNPAB) di dalam hakmilik melalui seksyen 345(2) Kanun Tanah Negara boleh dilaksanakan di Negeri Perak?	30/12/2015	<p>Dengan hormatnya saya merujuk e-mel tuan bertarikh 30 Dis. 2015 berhubung perkara di atas.</p> <p>2. Sehubungan itu, di Negeri Perak terdapat dua cara pembatalan sebagai Pemegang Amanah :</p> <p>2.1. Mengemukakan surat biasa yang menyatakan pembatalan nama pemilik berdaftar sebagai Pemegang Amanah tetapi ditandatangani di hadapan Pentadbir Tanah beserta surat Pembatalan Surat Amanah.</p> <p>2.2. Mengisi Borang 14A untuk membatalkan terus nama pemilik berdaftar sebagai Pemegang Amanah kepada nama pemilik berdaftar.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>	06/01/2016
2	lim yee mun	sudah tunggu 2 tahun untuk dapat Strata	apartment nak jual , tapi sudah tunggu 2 tahun masih belum siap masalah strata	15/12/2015	<p>Email tuan bertarikh 15.12.2015 adalah dirujuk.</p> <p>Pihak pentadbiran ini tidak mengesan apartment yang pihak tuan maksudkan. Justeru itu pihak tuan dapat memberi kami butir-butir lanjut tentang apartment tersebut seperti butir berikut:</p> <p>i. Nama skim perumahan (Jika Ada) ii. Nama Pemilik Tanah / Pemaju iii. No Lot dan Hakmilik</p> <p>Kerjasama pihak tuan dalam perkara ini diucapkan ribuan terima kasih.</p> <p>Sekian.</p>	20/12/2015
3	AZLIDA	ADUAN KEDUA PECAH BAHAGIAN TANAH KURANG 1 EKAR	<p>pada 4/12/15 saya pernah menghantar aduan dan pertanyaan kepada bahagian pembangunan berkenaan pecah geran tanah bagi mendapatkan geran individu untuk tanah pertanian, tapi belum mendapat maklumbalas</p> <p>saya mendapat maklumat yang tanah berstatus pertanian yang kurang dari 1 ekar @ paling kecil 0.25 ekar boleh dipecahkan bahagian dengan kelulusan pihak berkuasa negeri.</p> <p>saya confirmkan dengan pejabat tanah kampar dan pejabat tanah slim river dan mereka mengesahkan maklumat yang saya terima berdasarkan AKTA KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN 2008) AKTA A1333 yang berkuatkuasa 1 jan 2009. seksyen 140A. saya juga mencari maklumat di internet dan mengesahkan pejabat tanah klang dan kedah juga telah melaksanakan pindaan ini.</p> <p>sekarang saya ingin mengesahkan maklumat ini dengan pejabat tuan kerana maklumat yang saya terima tiap kali menghubungi pejabat tanah dan galian perak adalah berbeza.</p> <p>kerjasama dari pihak tuan amat saya hargai. saya berharap pihak tuan akan dapat memberi maklum balas secepat mungkin</p>	13/12/2015	<p>Untuk makluman Puan,</p> <p>permohonan pecah bahagian tanah yang berkeluasan kurang daripada satu (1) ekar boleh dikemukakan ke Pejabat Daerah dan Tanah berkaitan dan diproses mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Kelulusan permohonan tersebut, adalah tertakluk kepada keputusan Pihak Berkuasa Negeri mengikut seksyen 143A Kanun Tanah Negara 1956 (Akta 56/1965)</p>	19/12/2015

Bil.	Nama Pengadu	Tajuk	Aduan	Tarikh Aduan	Maklumbalas Aduan	Tarikh Maklumbalas
4	Mohammad Ikhsan bin Aziz	pertanyaan tanah kosong	assalamualaikum, saya ingin bertanya kepada pihak tuan , ada tak tanah kosong hak kerajaan di kawasan kampung sri mariah dan kampung sentang? jika ada kekosongan , bagaimanakah cara untuk memohon ? terima kasih	22/10/2015	Untuk makluman tuan,rakyat Malaysia yang berumur 18 ke atas layak memohon mana-mana tanah kerajaan dengan mengemukakan borang Jadual 1 beserta dengan pelan yang boleh dibeli di pejabat daerah yang berkaitan. Pemberimilikan tanah kerajaan tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.	28/10/2015
5	TAN CHOR SING	Semak samun lot persendirian	Tuan,masalah dihadapi ialah rumput panjang di tepi rumah saya 34,Jalan Baru,31750 Tronoh yang menyebabkan kacauganggu nyamuk dan ular.Minta tuan siasat dan ambil tindakan terhadap tuan tanah.Terima kasih	09/09/2015	Perkara ini akan dipanjangkan untuk makluman dan siasatan Majlis Daerah Kinta Batu Gajah (MDBG) untuk diambil tindakan. Terima kasih.	13/09/2015
6	rajahrajeswary	Memohon Borang Permohonan Pendaftar Sebagai Wakil Negeri Perak.	Dengan ini kami meminta kerjasama daripada pihak tuan untuk mendapatkan Borang Permohonan Pendaftar sebagai Wakil Negeri Perak.	29/06/2015	Dengan hormatnya saya merujuk email tuan bertarikh 29 Jun 2015 berhubung perkara di atas. 2. Sukacita dimaklumkan bahawa wakil yang berkenaan perlu membawa surat kebenaran dari firma guaman melantik wakil tersebut bagi pihak firma tuan dan salinan kad pengenalan. Seterusnya wakil tersebut perlu hadir untuk membuat imbasan jari. Sekian, terima kasih.	30/06/2015
7	selamat hari raaya	pendaftaran	di harap jika document tolak masuk balik pendaftaran hanya rm20 sahaja bayaran masuk selepas document di betulkan terima kasih	25/06/2015	Dengan hormatnya merujuk email tuan bertarikh 25 Jun 2015 berhubung perkara di atas. 2. Adalah dimaklumkan bahawa bayaran yang ditetapkan adalah berdasar Kaedah Tanah Perak dan selari dengan kehendak Kanun Tanah Negara (KTN) Sekian, terima kasih	29/06/2015
8	Maznom Binti Ahmad	Permohonan Kemaskini Alamat keatas Hakmilik	Butiran: Nama Syarikat : Pangkor Island Resort Sdn Bhd CT 22313 Lot 335, CT22312 Lot 354, 1901 Lot 3731 dan 1552 Lot 3566. Bagaimana cara untuk membuat kemaskini alamat baru. dan apa dokumen yg diperlukan.	24/06/2015	Dengan hormatnya email puan bertarikh 24 Jun 2015 berhubung perkara di atas. 2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak puan perlu mengemukakan hakmilik asal beserta bil cukai tanah asal yang telah dijelaskan. Sekian, terima kasih.	24/06/2015
9	KHAIRIL AZNI B MOHAMAD YAAKOB	Proses pemilikan harta pusaka untuk waris	Memerlukan maklumbalas terperinci dari segi kaedah dan proses untuk pemilikan harta pusaka untuk waris.	15/05/2015	Dengan hormaynya merujuk kepada email tuan bertarikh 15 Mei 2015 berhubung kepada perkara di atas. 2. Sehubungan dengan itu, adalah dimaklumkan bahawa bagi proses pemilikan harta pusaka pihak tuan perlu menghubungi pihak pusaka kecil yang berkaitan. Sekiranya hakmilik (geran) yang melibatkan hakmilik daerah (GM, PM dan HS(M)) pihak tuan boleh menghubungi Pejabat Tanah berkaitan. Tetapi jika hakmilik tersebut merupakan hakmilik Negeri (Geran, PN dan HS(D)) pihak tuan boleh menghubungi Pejabat Pusaka Kecil di JKPTG (Bangunan KWSP). Sekian dimaklumkan. Terima kasih.	15/05/2015

Bil.	Nama Pengadu	Tajuk	Aduan	Tarikh Aduan	Maklumbalas Aduan	Tarikh Maklumbalas
10	khairu	simpang masuk jalan gelap dan bahaya di Bt 14, Bt Kurau	Simpang jalan masuk dan sepanjang jalan Bt 14, Batu Kurau gelap gelita .Merbahaya pada pengguna jalan ,kerap berlaku kemalangan melibatkan budak sekolah, orang kampung, pengguna jalan tersebut .Ketua kampung tak nampak sangat ,lampu jalan ubah ikut suka hati .Jalan yang perlu lampu dia tak letakkan ,jalan yang tak perlu dia letakkan lampu ,kurang cerdik .Minta sangat pertolongan Pegawai daerah Taiping selesaikan masalah ni segera . Ketua kampung yg gila kuasa ni tak bole diharap sangat oleh penduduk kat sini .Mesyuarat kampung pun takde ,elaun nak .Kesian penduduk kampung kat sini . bantulah kami cepat	30/04/2015	Untuk makluman tuan, aduan tuan adalah diluar bidang kuasa pentadbiran ini. Oleh yang demikian, pihak tuan dipohon untuk mengemukakan terus aduan tuan ke Bahagian Pembangunan Luar Bandar (PLB), Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang dan Selama atau melalui laman sesawang http://pdtaiping.perak.gov.my	30/04/2015
11	Maxwell Kenion Cowdy & Jones	Kebenaran Pindah Milik	Salam, Kami ingin membuat pertanyaan berkenaan Consent untuk penerima pindahmilik ini. Penerimanya adalah warganegara China dan memiliki visa MM2H(My Malaysia 2nd Home), ingin membeli kondo dibawah hakmilik strata dengan sekatan boleh dipindahmilik dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Oleh itu, kami ingin memastikan bahawa Borang yang digunakan adalah Borang Permohonan Pemerolehan dan Pindahmilik dibawah Seksyen 433 kod tanah negara. Untuk senario di atas, terdapatkah borang lain untuk menyempurnakan pindahmilik tersebut? Sekian terima kasih dan kami memohon maaf jika terdapat sebarang kesilapan di atas pihak kami.	06/04/2015	Tuan, Email tuan bertarikh 6 April 2015 adalah berkaitan. Untuk makluman tuan borang yang digunakan untuk pemerolehan dan pindahmilik bagi warganegara asing adalah seperti berikut: i. Borang Permohonan Untuk Mendapatkan Kebenaran Pemerolehan Tanah/Kepentingan Mengenai Tanah Oleh Warganegara Asing ii. Borang Permohonan Kebenaran Pindahmilik dan Menggadai (No. Ruj. Borang PTG.Pk./PU/BHM/03/B02) Pihak tuan atau wakil pejabat peguam boleh mendapatkan kedua-dua borang tersebut di Kaunter Hasil, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak. Kerjasama pihak tuan dalam perkara ini diucapkan terima kasih. Sekian. BAHAGIAN HAKMILIK STRATA, PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PERAK.	06/04/2015
12	Mohammad Ikhsan bin Aziz	Permohonan Hak milik tanah yang kosong	assalamualaikum. saya ingin bertanya kepada pihak tuan , bagaimana untuk memohon tapak kosong di sekitar Kampung Seri Mariah dan Kampung Sentang , Batu Gajah.? perlukah saya pergi sendiri ke pejabat tanah atau membuat permohonan rasmi. ? terima kasih	24/02/2015	Walaikumsalam. Mengikut rekod di Pejabat Tanah Kinta Batu Gajah adalah didapati tiada kekosongan lot tapak rumah di Kg. Seri Mariah dan Kg. Sentang, Batu Gajah. Tetapi sekiranya tuan pasti masih ada lot kosong dan ingin cuba memohon, tuan hendaklah membuat permohonan rasmi di Pejabat Tanah Kinta Batu Gajah dengan membeli Pelan kawasan yang dimaksudkan dan juga mengisi borang permohonan (Jadual 1). Serahkan di kaunter Pejabat Tanah Kinta, Batu Gajah. Terima kasih.	26/02/2015
13	ABDUL GHANI	Nama Hakmilik Tanah Tidak Update di Bil Cukai Tanah	Assalam dan Salam Sejahtera. Berikut adalah nama yang tertera untuk bil cukai tanah. Nama : Bastani Bin Ahmad Jenis No Hakmilik : GM00002375 REKOD KETUANPUNYAAN terkini: Nama : Abdul Ghani Bin Bastani Sekiranya pihak tuan/puan ada sebarang pertanyaan bolehlah emailkan kepada saya di alamat : ghani@brinfo.com.my	05/02/2015	Tiada rekod dalam sistem untuk GM2375, Abdul Ghani Bin Bastani. Kemungkinan hakmilik adalah luar daerah	05/02/2015

Bil.	Nama Pengadu	Tajuk	Aduan	Tarikh Aduan	Maklumbalas Aduan	Tarikh Maklumbalas
14	mohd rashid b hassan	PERMOHONAN MEMILIKI TANAH KERAJAAN DI RANCANGAN PERTANIAN BERKELOMPOK	<p>Saya telah terima surat yang menyatakan permohonan saya telah diluluskan pada 12 Mac 2014.</p> <p>Saya juga telah membuat bayaran sepenuhnya keatas permohonan saya iaitu</p> <p>Bayaran Cukai bagi tahun pertama.</p> <p>Bayaran premium.</p> <p>Bayaran penyediaan dan pendaftaran surat hakmilik</p> <p>Pada tarikh 21 April 2014 termasuklah bayaran ukuran dan tanda sempadan telah dijelaskan.</p> <p>Tapi sehingga 18 Jan 2015, saya masih belum menerima sebarang surat pernyataan atau surat pegesahan hakmilik termasuk geran keatas tanah yang telah saya mohon.</p> <p>Sehubungan ini sy harap pihak berkenaan dapat memberi penjelasan kepada saya berkenaan perkara ini dan juga dapat membantu saya bagi meyelesaikan masalah ini.</p> <p>segala Maklum balas dan kerjasama amat dihargai.</p> <p>Terima Kasih.</p> <p>achik7@gmail.com</p>	18/01/2015	<p>Untuk makluman tuan, maklumat yang dikemukakan oleh pihak tuan didapati tidak lengkap kerana tidak menyatakan nama RTB, nama daerah dan surat kelulusan daripada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) yang berkaitan. Oleh yang demikian, pihak tuan dipohon mengemukakan maklumat tersebut ke pentadbiran ini bagi membolehkan pentadbiran ini menyemak status dengan PDT berkaitan atau pihak tuan bolehlah menghubungi terus PDT yang berkaitan untuk mengetahui status terkini tentang pendaftaran hakmilik tuan.</p>	19/01/2015